




Praktis Ekstra Tema 2



Kemahiran Membaca

SP 2.2.1



Baca bahan-bahan bacaan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, kenal pasti persamaan and perbezaan bahan-bahan bacaan tersebut.

Bahan 1

Permainan bola keranjang merupakan permainan yang melibatkan dua pasukan. Setiap pasukan diwakili oleh lima orang pemain yang berada dalam gelanggang pada satu-satu perlawanan. Dua orang pemain bertindak sebagai pertahanan, manakala dua orang lagi menjadi penyerang sementara seorang lagi menjadi pemain tengah. Semua pemain berpeluang untuk menjaringkan gol. Pada akhir permainan, pasukan yang mendapat mata terbanyak diisytiharkan sebagai pemenang. Permainan bermula dengan lambungan bola di tengah gelanggang. Seorang pemain daripada kedua-dua pasukan akan berada di bulatan tengah gelanggang. Kemudian, pengadil akan melambung bola ke udara lalu kedua-dua pemain itu berebut untuk merampas bola.

Bahan 2

Permainan bola jaring merupakan permainan yang melibatkan dua pasukan. Setiap pasukan diwakili oleh tujuh orang pemain yang berada dalam gelanggang pada satu-satu perlawanan. Setiap pemain mempunyai peranan and fungsi yang tertentu di kawasan atau zon yang tertentu. Perlawanan berlangsung sebanyak empat suku, iaitu selama 15 minit bagi setiap suku permainan. Walau bagaimanapun, permainan ini juga boleh dijalankan selama 20 minit setiap suku permainan. Pasukan yang paling banyak menjaringkan gol dianggap pemenang. Setiap jaringan dikira satu gol. Dua orang pengadil akan mengadili setiap perlawanan dengan perlawanan dimulakan melalui hantaran dari tengah gelanggang. Hantaran ini dilakukan secara bergilir-gilir.

